UNTUK TUJUAN ILUSTRASI SAHAJA

Jumlah Perlindungan Asas: RM500,000 | Umur: 30 tahun | Jantina: Lelaki | Status: Sihat | Tempoh Perlindungan: 45 tahun | Pembiayaan: Tidak

Ini bukan perlindungan sebenar dan mungkin tidak tersedia di bawah pelan ini.

Untuk perlindungan sebenar dan ilustrasi berdasarkan maklumat anda, sila rujuk Ilustrasi Manfaat.

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai takaful keluarga anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; anda juga patut membacanya.

Pengendali Takaful	AmMetLife Takaful Berhad (AmMetLife Takaful)
Nama Pelan	**HomeSecure-i 2.0**
Pemegang Sijil Induk	XX Bank
Tarikh	DD/MM/YYYY

Langkah 1 Apakah HomeSecure-i 2.0?

HomeSecure-i 2.0 adalah pelan sumbangan tunggal menyusut bertempoh takaful yang melindungi pembiayaan perumahan sekiranya peserta meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK). Manfaat takaful akan digunakan untuk membayar pembiayaan perumahan yang tertunggak kepada bank berdasarkan kepada jadual jumlah perlindungan menyusut peserta.

Konsep Syariah yang diguna pakai:

- **Wakalah** – Semua pemegang sijil melantik AmMetLife Takaful untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melaburkan dan menguruskan pelan takaful berlandaskan prinsip-prinsip Syariah. AmMetLife Takaful berhak menerima Fi Wakalah seperti yang dinyatakan dalam Ilustrasi Manfaat untuk menguruskan pelan ini.
- **Tabarru'** – Semua pemegang sijil bersetuju untuk menderma sebahagian tertentu daripada sumbangan yang telah dibayar ke dalam Dana Risiko Peserta-peserta (DRP) untuk tujuan saling menolong dan membantu bersama.
- **Qard** – Pinjaman tanpa faedah daripada AmMetLife Takaful sekiranya DRP berada dalam keadaan defisit. Pinjaman ini akan dibayar semula daripada lebihan yang terhasil daripada DRP pada masa hadapan.

Langkah 2 Ketahui Perlindungan / Manfaat Anda

Jumlah Perlindungan: RM500,000.00	**Tempoh Perlindungan:** 45 tahun (sehingga berumur 75 tahun)
Ringkasan Perlindungan / Manfaat Takaful	
Manfaat Kematian	Apabila berlaku kematian ke atas peserta, jumlah perlindungan menyusut dan nilai DPP, akan dibayar.
Manfaat Matang	Apabila berlaku HUMK ke atas peserta, jumlah perlindungan menyusut dan nilai DPP, akan dibayar.

Pengecualian – Pelan ini tidak melindungi sebab-sebab berikut:

Manfaat Kematian :

a) bunuh diri atau cubaan bunuh diri, sama ada ketika waras atau tidak waras yang berlaku dalam tempoh satu (1) tahun daripada Tarikh Kuatkuasa; atau
b) di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau dadah selain daripada yang dipreskripsi oleh pegawai perubatan yang bertauliah; atau
c) kematian yang berlaku disebabkan oleh penyakit sedia-ada; atau
d) kematian yang berlaku disebabkan kemalangan yang berlaku sebelum tarikh kuatkuasa.

Manfaat HUMK :

a) mencederakan diri sendiri atau sebarang cubaan mencederakan diri yang disengajakan, sama ada secara langsung atau tidak; atau
b) di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau dadah selain daripada yang dipreskripsi oleh pegawai perubatan yang bertauliah; atau
c) HUMK yang berlaku disebabkan oleh penyakit sedia-ada; atau
d) HUMK yang berlaku disebabkan kemalangan yang berlaku sebelum tarikh kuatkuasa.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil Takaful untuk terma dan syarat yang lengkap.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai pelan anda, anda boleh:

Tulis Kepada Kami

1 300 22 9777

ammetlifetakaful.com

customercare@ammetlifetakaful.com

UNTUK TUJUAN ILUSTRASI SAHAJA

Jumlah Perlindungan Asas: RM500,000 | Umur: 30 tahun | Jantina: Lelaki | Status: Sihat | Tempoh Perlindungan: 45 tahun | Pembiayaan: Tidak

Ini bukan perlindungan sebenar dan mungkin tidak tersedia di bawah pelan ini.

Untuk perlindungan sebenar dan ilustrasi berdasarkan maklumat anda, sila rujuk Ilustrasi Manfaat.

Langkah 3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk pelan takaful ini, anda perlu membayar sumbangan takaful sebanyak:	
Sumbangan Tunggal: RM39,550.00	
Anda juga perlu membayar fi dan caj berikut:	
Fi Wakalah	RM16,611.00 (42% daripada Sumbangan Tunggal).
Komisen	RM3,955.00 (10% daripada Sumbangan Tunggal) yang mana ia sudah termasuk di dalam Fi Wakalah.
Caj Tabarru'	Amaun ini akan ditolak secara bulanan dari DPP anda dan akan diperuntukkan ke dalam DRP. Amaun tabarru' ini akan meningkat berdasarkan umur anda.
Fi Serahan	RM100 atau 10% daripada nilai DPP, yang mana lebih rendah.
Sumbangan Tunggal selepas ditolak Fi Wakalah akan diperuntukkan ke dalam DPP anda. Fi Wakalah akan digunakan untuk membayar komisen kepada ejen dan perbelanjaan lain AmMetLife Takaful.	

Langkah 4 Terma dan Syarat Yang Lain

Kepentingan Membuat Pendedahan – Anda mesti menjawab soalan yang kami kemukakan dengan lengkap dan tepat. Kecuaian dalam menjawab soalan boleh mengakibatkan tuntutan anda ditolak atau sijil anda ditamatkan.

Had ke atas Manfaat HUMK – Manfaat HUMK akan tamat dengan serta merta pada tarikh ulang tahun sijil selepas peserta berumur 65 tahun. Jumlah manfaat HUMK yang akan dibayar bagi semua sijil AmMetLife Takaful bagi peserta yang sama adalah terhad kepada RM2,000,000.

Perubahan Butiran untuk Dihubungi – Anda perlu memaklumkan kepada kami jika terdapat perubahan kepada butiran untuk menghubungi anda untuk memastikan semua maklumat terkini sampai kepada anda tepat pada masanya.

Tuntutan – Maklumkan kepada kami dengan kadar segera jika anda ingin membuat tuntutan di bawah sijil anda. Kami akan membimbing anda tentang dokumen yang perlu diserahkan bagi memproses tuntutan anda.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil Takaful untuk terma dan syarat yang lengkap.

Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Tempoh Rujukan Percuma – Jika anda tidak berpuas hati dengan sijil ini, anda boleh membatalkannya dengan memberi notis bertulis kepada kami dan pihak bank dalam tempoh 15 hari selepas menerima sijil ini. Kami akan membayar balik sumbangan penuh yang telah dibayar ditolak fi pemeriksaan perubatan yang ditanggung, jika ada, kepada anda.

Serahan – Anda boleh membatalkan sijil ini pada bila-bila masa selepas tempoh rujukan percuma dengan menghantar notis bertulis kepada kami bersama dengan notis pelepasan yang sah daripada bank. Kami akan membayar nilai DPP, jika ada, ditolak fi serahan kepada anda yang mana jumlah diterima mungkin jauh lebih rendah daripada jumlah sumbangan yang dibayar.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi AmMetLife Takaful atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).